

## SYARAT-SYARAT KHAS SEBUT HARGA

### **1. Tempat**

- 1.1 Perkhidmatan Membekal dan Menghantar Barang-Barang Kit Pengislaman Muallaf untuk Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)
- 1.2 Lokasi penghantaran - Bahagian Pendaftaran Muallaf & Pembangunan PIBK MAIS, Tingkat 2, Kompleks MAIS Klang, Jalan Meru off Jalan Kapar, 41030 Klang
- 1.3 Mana-mana perubahan atau pindahan ke atas spesifikasi barang hendaklah dibuat secara persetujuan bersama antara pihak.

### **2. Tempoh Penghantaran**

- 2.1 Penyebut harga dikehendaki menghantar kesemua bekalan / perkhidmatan yang ditawarkan dalam tempoh enam (6) minggu dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan.

### **3. Penentuan Perkhidmatan**

- 3.1 Penyebut harga yang berjaya dikendaki untuk mematuhi arahan-arahan berikut:
  - a) Membekal item seperti di Jadual A.
  - b) Memastikan kesemua item yang dibekalkan adalah berkualiti dan mengikut tawaran spesifikasi. Jika terdapat item yang dibekalkan tidak berkualiti atau rosak dan/atau tidak mengikut tawaran spesifikasi, penyebut harga dikehendaki untuk menggantikan semula item-item tersebut tanpa sebarang kos tambahan kepada MAIS.
  - c) Penyebut harga hendaklah memaklumkan kepada Bahagian Pendaftaran Muallaf & Pembangunan PIBK dalam tempoh tiga (3) hari sebelum tarikh penghantaran.
  - d) Sila rujuk Jadual A bagi spesifikasi item dan perkhidmatan.

## JADUAL A



### JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

#### SH11/2024: PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANG-BARANG KIT PENGISLAMAN MUALLAF UNTUK MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)

##### ARAHAN:

1. Penyebut harga dikehendaki mengisi ruang kosong di bawah dengan lengkap berserta catatan/ keterangan lain (sekiranya ada).
2. Semua butiran di dalam lampiran ini hendaklah diisi dengan betul dan lengkap. Kemukakan lampiran tambahan jika ruang tidak mencukupi.
3. Penyebut harga dikehendaki mengisi sama ada Ya/ Tidak di ruangan yang disediakan jika mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MAIS.

BIL.	KETERANGAN/ SPESIFIKASI	
1.	Kain Pelikat Dewasa	Penyebut Harga hendaklah membekal dan menghantar kain pelikat berdasarkan spesifikasi berikut:-  Material: 100% Cotton  Warna/Corak: Pelbagai  Saiz: 205 cm x 130 cm (Siap Jahit)  Jenis: 5000 Benang  Kuantiti: Empat Ratus (400) helai
2.	Telekung Dewasa	Penyebut Harga hendaklah membekal dan menghantar telekung dewasa berdasarkan spesifikasi berikut:-  Saiz :Telekung Dewasa  Material: Cotton  Spesifikasi: Tebal dan tidak jarang, Lembut, selesa dan sejuk apabila dipakai, Tidak mudah berkedut  Warna : Putih  Kuantiti: Empat Ratus (400) pasang
3.	Sejadah	Penyebut Harga hendaklah membekal dan menghantar sejadah berdasarkan spesifikasi berikut:-

BIL.	KETERANGAN/ SPESIFIKASI	
		Panjang: 110cm Lebar: 70cm Spesifikasi: Berkualiti dan tebal Buatan: Turki Kuantiti: Lapan Ratus (800) helai
4.	Beg Galas ( <i>Backpack</i> )	Penyebut Harga hendaklah membekal dan menghantar beg galas berdasarkan spesifikasi berikut:-  Material: Polyester Warna: Hitam Tinggi/Height: 13 cm Panjang/Lenght: 42 cm Lebar/Width: 32 cm Sulam: Logo MAIS Lain-lain:Tahan lasak dan tidak mudah putus Kuantiti: Lapan Ratus (800) unit  <b>Nota:</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Saiz beg adalah anggaran, saiz sebenar yang dikemukakan hendaklah hampir dengan saiz anggaran ini</li> <li>2. Saiz sulaman adalah bergantung kepada rekaan yang bersesuaian dan akan dibincangkan lebih lanjut kepada penyebut harga yang berjaya</li> </ol>
5.	Buku Iqra' (Jilid 1-6)	Penyebut Harga hendaklah membekal dan menghantar buku Iqra' berdasarkan spesifikasi berikut:-  Cover : <i>Soft Cover</i> Penulis: Us Haji Asad Humam Penerbit: Darul Fikr Sdn Bhd Kuantiti: Lapan Ratus (800) unit
6.	Perkhidmatan menghantar	Penyebut Harga hendaklah menghantar kesemua item ke Bahagian Pendaftaran Muallaf & Pembangunan PIBK MAIS, Tingkat 2, Kompleks MAIS Klang, Jalan Meru off Jalan Kapar, 41030 Klang

<b>BIL.</b>	<b>KETERANGAN/ SPESIFIKASI</b>	
7.	Sampel	Penyebut Harga hendaklah menyertakan sampel bagi kesemua item dan mengisi Borang H – Borang Penyerahan Contoh